

# Ibu dalam pantang terima Anugerah Khas Alumni UTHM

BATU PAHAT 3 Nov. - Seorang ibu muda yang masih dalam pantang merupakan antara penerima Anugerah Khas Alumni dalam majlis Konvokesyen Ke-12 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini hari ini.

Graduan Sarjana Kejuruteraan Mekanikal, **Mahfuzah Abd. Salam** itu baru sebulan melahirkan anak ketiganya, Ahmad Syahmi Amin Ahmad Zufadli.

“Saya mengandungkan anak sulung, Ahmad Shahrul Amri, 4, ketika mengikuti ijazah sarjana muda manakala anak kedua, Nor Aina Najwa, 1, sewaktu peringkat pengajian sarjana.

“Memang mengandungkan anak sewaktu belajar menjadi cabaran tetapi suami banyak membantu dan memberi dorongan, malah dia menggalakkan saya menyambung pengajian ke peringkat ijazah doktor falsafah tetapi saya mahu menangguhkan dulu untuk memberi tumpuan kepada anak bongsu ini,” katanya.

Pemangku Raja Johor yang juga merupakan Pro Canselor UTHM, Tunku Ismail Sultan Ibrahim berkenan merasmikan majlis konvokesyen itu yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.



**TUAN Mohd. Hafeez Tuan Ibrahim dan Mahfuzah Abd. Salam bersama anugerah masing-masing yang diterima pada Majlis Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Ke-12 di Dewan Konvokesyen UTHM, Batu Pahat, Johor, semalam.**

Menurut Mahfuzah yang kini bertugas sebagai pensyarah sambilan di UTHM, sebelum ini dia turut mengikuti pengajian diploma dan ijazah sarjana muda di UTHM dan merupakan pengasas Sekretariat Alumni Pelajar UTHM.

Katanya, suaminya, Ahmad Zufadli Jusoh, 29, bertugas sebagai pegawai tadbir di UTHM dan perkenalan mereka juga terjalin

di universiti itu.

Sementara itu, Pengerusi Sekretariat Alumni UTHM, **Tuan Mohd. Hafeez Tuan Ibrahim**, 24, turut dipilih menerima Anugerah Khas Alumni.

Graduan Sarjana Kejuruteraan Mekanikal itu turut meminta alumni UTHM terus menabur bakti kepada universiti yang banyak berjasa kepada semua graduan.